

Home Emergency Kit

30 Remedies for Home Use

HOMEOPATHY

Kit Kecemasan

30 *Penawar*
Remedies



SUMUR *Dingin*
W E L L N E S S

SUMUR DINGIN WELLNESS RESOURCES
(CA 0306475-A)

PENGGUNAKAN KIT HOMEOPATHY

Kit Homeopathy ini sangat perlu ada di setiap rumah sebagai satu persediaan sekiranya berlaku sakit, demam atau kecederaan pada waktu-waktu yang tidak membolehkan seseorang itu keluar ke klinik homeopathy / klinik biasa. Pengambilan penawar homeopathy di dalam kit ini dapat meringankan sakit atau menstabilkan keadaan pesakit sementara menanti bantuan perubatan daripada homeopath atau doktor bertauliah.



ASAL USUL HOMEOPATHY

Homeopathy bersandarkan pada prinsip persamaan; sesuatu yang memberi penyakit juga boleh mengubati penyakit yang sama - iaitu Hukum Kesembuhan Semulajadi. Ia merupakan terapi holistik yang amat berkesan untuk menghilangkan dan mengikis penyakit yang ada dipelbagai peringkat, iaitu penyakit fizikal, emosional dan mental. Homeopathy menggunakan dos yang amat kecil sehingga ia sangat selamat tanpa sebarang kesan sampingan.

Homeopathy diasaskan oleh Dr. Samuel Hahnemann (1755 – 1843) yang berasal dari German. Hahnemann mendapat ijazah kedoktoran dalam tahun 1779 dan memulakan praktis perubatannya sendiri. Beliau merasa tidak tenteram dengan ubat-ubatan terutamanya ubatan yang menggunakan dadah yang bertoksid. Beliau kemudian menutup kliniknya lalu bekerja sebagai ahli kimia di samping menterjemahkan teks-teks perubatan.

Ketika itu, pada sekitar tahun 1790, Hahnemann mula mendapat projek menterjemahkan teks-teks *Materia Medica* William Cullen ke dalam Bahasa German. Ketika itulah beliau menemui “Prinsip Persamaan” daripada Kitab Ibnu Sina. Beliau terus mengumpulkan banyak data-data yang akhirnya menukar dunia perubatan untuk abad-abad seterusnya.

Perubatan Homeopathy menjadi sangat terkenal pada awal tahun 1900an. Di Amerika Syarikat. Pada ketika itu terdapat 22 sekolah perubatan Homeopathy, 100 hospital Homeopathy dan lebih 1,000 farmasi Homeopathy.

Boston University, Stanford University dan New York Medical College adalah di antara pusat pengajian tinggi yang mengajar matapelajaran Homeopathy. Namun begitu, pada tahun 1920an, banyak pusat pengajian tinggi Homeopathy ditutup disebabkan pertumbuhan industri perubatan moden dan farmasi-farmasinya.

Meskipun minat di dalam Homeopathy di Amerika Syarikat semakin menurun, ianya tidak terjejas di tempat-tempat lain di dunia. Bahkan telah menjadi satu kebangkitan di Eropah dan beberapa Negara di Asia, terutamanya di Benua India.

Mahatma Gandhi yang agung, telah menyedari akan keberkesanan Homeopathy ketika beliau melanjutkan pelajaran di Eropah. Beliau kagum dengan keberkesanannya yang hebat, sehingga beliau membawa Homeopathy ini ke India. Hari ini perubatan Homeopathy adalah merupakan industri yang sangat besar di India dan Pakistan, sehinggakan ramai yang menganggap asal usul Homeopathy adalah dari benua India.

Orang yang bertanggung jawab menyebarkan Homeopathy di Tanah Melayu adalah Prof. Dr. Burhanuddin Al-Helmi (1911 – 1969). Beliau digelar Bapa Perubatan Homeopathy Malaysia.

Pada hari ini, hampir kesemua farmasi di Peranchis menjual ubat-ubatan dan penawar Homeopathy. Malah jenama ubat batuk yang terkenal iaitu Oscilloccinum, di farmasi Peranchis pun, adalah ubat Homeopathy.

Mexico, Germany, Netherland, Itali, England dan Amerika Syarikat. Keluarga di Raja British adalah penaung perubatan Homeopathy di Eropah sehingga terbinanya Royal London Homeopathic Hospital di United Kingdom, iaitu di London, Tunbridge Wells, Bristol, Liverpool dan Glasgow.

Pengamal Homeopathy yang professional diwajibkan pengajian selama 4 tahun untuk mempelajari bidang anatomi, physiologi, patologi, materia medica homeopathy, falsafah homeopathy dan repertori serta mempunyai pengalaman secara klinikal. Ada di antara pengamal Homeopathy yang juga merupakan doktor biasa, malah ramai di antara mereka adalah juga *chiropractor*, *naturopath*, *osteopath*, jururawat, doktor gigi dan doktor Haiwan. Pengamal Homeopathy di Malaysia berada di bawah persatuan-persatuan Homeopathy yang berdaftar dengan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia.



CARA PENGAMBILAN

1. Ambil 2 atau 3 biji globules dengan penutup dan kemam / atau hisap di dalam mulut yang bersih. Tangan mestilah bersih untuk mengelakkan penawar dicemari.
2. Untuk sakit-sakit yang keadaannya sederhana, penawar boleh diambil setiap 4 jam.
3. Untuk sakit-sakit yang kelihatan melarat, penawar boleh diambil setiap 1 jam.
4. Bagi kanak-kanak yang sakit secara mengejut, berikan 1 biji penawar setiap 10 atau 15 minit.
5. Penawar homeopathy tiada tarikh luput, seandainya disimpan dengan betul. Penawar mesti dijauhkan daripada panas (terjemur), atau perkakasan elektrik, bahan-bahan yang berbau kuat seperti minyak wangi, minyak angin (champer), bawang, kopi dan lain-lain.
6. Penawar homeopathy boleh diberikan kepada semua orang, dari bayi kepada orang-orang tua. Bagi bayi yang tidak boleh menghisap, ambil sebiji *globules* dipecahkan dan disuap ke mulut bayi, ataupun ambil 3 biji di masukkan ke dalam secawan air, dan digoncang. Setiap sudu dikira sebagai satu dos.
7. Untuk sebarang pertanyaan sila rujuk homeopath yang bertauliah.



PERHATIAN :

Sekiranya seseorang wanita yang menyusukan bayinya mengambil penawar homeopathy, bayinya juga akan menerima kesan yang sama. Ini tidak akan membawa kesan buruk, malah memberikan kesan yang baik kepada bayi.

Sekiranya kanak-kanak terlalu kecil, untuk mengambil pil, mempunyai kesukaran untuk menghisapnya atau mungkin akan tercekik, cara yang sebaiknya adalah dengan memecahkan pil (*globules*) dengan sudu, dan pil yang sudah hancur tadi boleh dimasukkan ke dalam mulut kanak-kanak tersebut. Jalan mudah adalah dengan melarutkan pil di dalam air.

Anda juga boleh menggunakan ubat dalam bentuk cecair sekiranya dikhuatiri ubat dalam bentuk pil (*globules*) boleh memberikan mudharat kepada pesakit, terutamanya dalam kes-kes pesakit yang pengsan, atau tidak sedarkan diri. Ubat Homeopathy dalam bentuk cecair, boleh disapu di bibir pesakit dengan menggunakan kapas bersih.

Jangan bimbang sekiranya anak anda telah membuka ubat Homeopathy dan menelan beberapa pil sekaligus. Ini kerana ubat Homeopathy tidak akan bertindak sekiranya seseorang itu tidak mempunyai simptom yang sama dengan gambaran penawar yang diberikan. Misalnya ubat untuk pesakit A, hanya akan bertindak untuk si A. Ia tidak akan bertindak ke atas pesakit B kerana kedua-dua mempunyai simptom-simptom yang berlainan.

CARTA PETUNJUK PENAWAR HOMEOPATHY

PENYAKIT	PENAWAR	NO.
Allergy	Sepia	29
	Silicea	30
	Ruta	28
Angin	Lycopodium	21
	Carbo Vege	9
Asma/lelah	Ipec	18
	Arsenic	5
	Carbo Vege	9
	Kali Bich	20
Bengkak	Apis	3
	Belladona	6
Batuk	Aconite	1
	Bryonia	7
	Ipec	18
Bisul	Silicea	30
	Mercury Sol	23
Berdarah	Ipec	18
	Carbo Vage	9
	China Off	11
Cirit-birit	Arsenic	5
	China Off	11
Cedera	Arnica	4
Cacing	Cina	12
Demam	Aconite	1
	Belladona	6
	Chamomilla	10
	Nux Vomica	25
Gigi/gusi Berdarah	Hepar Sulph	16
	Mag Phos	24
	Mercury Sol	23
	Hypericum	17
	Belladona	6
Gatal-gatal	Ruta	28
	Silicea	30
Gout	China Off	11
	Ledum	22
	Pulsatilla	26
Hidung Berdarah	Bryonia	7
	Carbo Vege	9
Kencing	Berberis Vulgaris	8
	Lycopodium	21
Ketakutan	Aconite	1
	Gelsimium	15
Kejang (Cramp)	Mag Phos	24

CARTA PETUNJUK PENAWAR HOMEOPATHY

PENYAKIT	PENAWAR	NO.
Luka	Hypericum	17
	Ledum	22
Mata	Euphrasia	14
	Allium Cepa	2
Mual/muntah Mabuk Kenderaan	Arsenic	5
	Ipec	18
	Kali Bich	20
	Cocculus Indicus	13
Nanah	Mercury Sol	23
	Hepar Sulph	16
	Silicea	30
Sawan	Ignatia	19
Sakit Perut Kembung	Carbo Vege	9
	China Off	11
Sendi/ligament	Rhus Tox	27
	Ruta	28
Sengatan/gigitan Serangga	Apis	3
Selsema	Kali Bich	20
	Allium Cepa	2
Tekak Sakit	Aconite	1
	Arsenic	5
	Belladonna	6
Sakit Telinga	Chamomilla	10
	Pulsatilla	26
	Mercury Sol	23
	Aconite	1
**Penawar Serbaguna	Ledum	22
	Mag Phos	24
	Aconite	1



PETUNJUK PEMILIHAN PENAWAR MENGIKUT WAKTU SAKIT



6am - 9am



9am - 12pm



12pm - 6pm




6pm - 9pm



9pm - 6am



Bila-bila masa



PEMILIHAN PENAWAR MENGIKUT WAKTU SAKIT

Kadangkala, rupabentuk penyakit datang pada masa-masa tertentu. Ketika itu, ada yang keliru apakah penawar yang perlu diberikan. Ada ketikanya demam atau sakit hanya datang pada sebelah pagi atau malam. Ketika itu anda boleh menggunakan carta ini untuk memilih penawar yang tepat dan sesuai

6.00 pagi hingga 9.00 pagi

Nama Penawar	No.
Bryonia	7
Carbo Veg	9
Chamomila	10
China Off	11
Kali Bich	20
Nux Vimoca	25
Pulsatilla	26
Rhus Tox	27
Sepia	29

9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

Nama Penawar	No.
Cocculus Indicus	13
Euphrasia	14
Ipec	18
Ignitia	19
Mercury Sol	23

12.00 tengah hari hingga 6.00 petang

Nama Penawar	No.
Apis	3
Arsenic	5
Belladonna	6
Sepia	29
Silicea	30

6.00 petang hingga 9.00 malam

Nama Penawar	No.
Arnica	4
Cocculus Indicus	13
Ignitia	18
Kali Bich	20
Rhus Tox	27

9.00 malam hingga 6.00 pagi

Nama Penawar	No.
Aconite	1
Arnica	4
Arsenic	5
China Off	11
Hepar Supl	16
Ipec	18
Kali Bich	20
Mercury Sol	23
Pulsatilla	26
Rhus Tox	27
Silicea	30

1.

ACONITUM NAPELLUS (ACONITE)

(Bunga Wolfsbane)

- Penat, terkejut, takut mati, tidak dapat tidur.
- Demam sejuk, menggigil, sangat dahaga dan berpeluh, serta sesak nafas bila berpeluh.
- Sakit kepala tiba-tiba, rasa berat dan sesak, rasa seperti terbakar, melarat bila terdedah udara sejuk.
- Radang kerongkong, kering, sukar menelan, hidung selalu bersin.
- Batuk kering, sesak dada dan semput.



2.

ALLIUM CEPA

(Bawang Merah)

- Alergi berair mata dan hidung.
- Selsema bersin dan berair hidung serta mata.
- Air liur lebih lepas makan.
- Influenza berair mata dan hidung



3.

APIS MELLIFICA

(Lebah)

- Disengat atau digigit serangga, menyebabkan bengkak, menggelembung, kemerahan dan pedih.
- Mata panas terbakar, tidak boleh berdiri depan api.
- Kerongkong bengkak, sukar menelan, dan sukar bernafas.
- Dada rasa sesak, masalah paru-paru.
- Cirit-birit seperti dubur terbuka.



4.

ARNICA MONTANA

(Bunga Arnica)

- Terlalu penat untuk tidur, susah tidur.
- Terkejut akibat kecederaan fizikal seperti dipukul, jatuh, kecederaan kepala serta kesannya.
- Sakit telinga akibat cuaca dan tekanan udara.
- Diambil sebelum mendapat rawatan pergigian atau sebarang pembedahan.
- Kecederaan sendi dan tulang belakang, rasa seperti dipukul




5.

ARSENICUM ALBUM

(Serbuk Warangan- White Oxide of Arsenic)

- Sakit kepala seperti terbakar, kulit kepala sejuk, sangat sensitive kepada udara terbuka.
- Sakit terbakar pada abdomen, lega bila diberi haba.
- Sakit dan muntah bila makan dan minum. Keracunan makanan. Melarat jam 1-3 pagi
- Berguna kepada penyakit, kesan daripada pengambilan sayuran, tembikai dan buah berair.
- Dada sesak, nafas berbunyi dalam dada (Asma), kahak dalam tekak dan hidung berair.




6.

BELLADONA

(Pokok Deadly Nightshade)

- Terlalu sensitive pada cahaya, bersin, bila disentuh rasa pedih, sakit datang tiba-tiba, panas dan merah.
- Mulut kering dan panas.
- Demam kuat, muka merah.
- Demam meracau.
- Hidung berdarah akibat demam kuat.




7.

BRYONIA

(Akar Wild Hops)

- Bila bergerak, sakit bertambah kuat.
- Sakit rasa dijahit. Tidak datang haid, haid keluar melalui hidung.
- Haus, bibir kering. Batuk kering dan menyakitkan.
- Lepas makan perut keras seperti ada batu.
- Sendi sakit dan panas.
- Sakit seperti kena cucuk, lega bila baring ke kanan.
- Melarat bila bergerak dan lega bila dipicit.




8.

BERBERIS VULGARIS


(Barbery)

- Sakit yang berkaitan dengan hempedu, saluran kencing dan buah pinggang.
- Kencing kotor, kencing keruh, batu hempedu, batu karang.
- Demam kuning sehingga sakit kejang
- Loya selepas sarapan, rasa sakit di ulu hati.
- Sakit pinggang yang turun ke paha sewaktu kencing.



9. CARBO VEGE (Arang Kayu)

- Mulut kering dan lidah kasar.
- Angin di kawasan pusat.
- Gementar tetapi suka sejuk.
- Darah haid banyak dan dtg terlalu awal.
- Sakit jantung kerana banyak angina.
- Lidah terasa pahit.
- Tubuh sejuk dan biru.
- Kembung dan rasa sejuk.



10. Chamomilla (Bunga Chamomilla)

- Penat, mengantuk, tetapi tidak dapat tidur, sedih, menangis, dan takut mimpi ngeri.
- Sakit kepala berdenyut-denyut, selesa melentikkan kepala ke belakang.
- Sakit telinga dengan panas.
- Meragam
- Sakit gigi



11. China Officinalis (Chinchona)
(Buah Kuinin)

- Angin seluruh perut.
- Kurang darah kerana banyak tumpah darah.
- Demam ketar seperti malaria.
- Gout kronik, tubuh lemah.
- Haid lewat kerana kurang darah.
- Haid tidak menentu, terlampau banyak dan beku kehitaman.
- Pengsan akibat kehilangan darah.



12. CINA
(Getah Biji Cina - Worm Seed)

- Kecacingan, parasit.
- Kencing Malam.
- Anak-anak yang tak suka dipegang, meradang, beragam serba tidak kena.
- Dubur gatal.



13. COCCULUS INDICUS (Biji Kerang India)

- Mabuk kenderaan
(mencegah mabuk dalam perjalanan).
- Muntah kerana mabuk kenderaan.
- Pening atau pengsang kerana mabuk kereta.
- Tidak suka makan dan minum
- Loya, muntah, pening



14. EUPHRASIA (Bunga Terang Mata)

- Sakit mata dan takutkan cahaya masuk ke mata.
- Sakit mata (conjunctiva) hingga banyak keluar tahi mata dan meleleh air mata.
- Mata selalu berair.
- Mata seolah-olah berpasir.
- Anak-anak yang kerap terbangun malam seolah-oleh ketakutan.
- Sakit telinga dan telinga berdesing



15.

GELSIMIUM

(Kulit Akar Melati Kuning)

- Lemah dan gementar seluruh badan.
- Wanita yang susah melahirkan kerana pintu Rahim susah terbuka.
- Sakit-sakit yang melarat apabila haid.
- Lemah urat saraf.
- Terlalu letih, berat kelopak mata, pandang kelabu.
- Sakit akibat takut (misalnya takut pergi sekolah akibat sesuatu yang tidak disukai di sekolah).



16.

HEPAR SULPH

(Calcium Sulphide)

- Menjadi ganas bila stress
- Selalu tumbuh bisul.
- Sesuatu benda / tercucuk ke dalam daging.
- Tapak kaki pecah.
- Kahak bertali.
- Bernanah.
- Luka dan bernanah



17. HYPERICUM

(Pokok St. John's Wort)


- Luka terkoyak.
- Tempat sengatan jadi sejuk dan kebas.
- Kepala terlalu sensitif.
- Lebam saraf kaki dan tangan.
- Tercucuk atau tertusuk, dan sakitnya dirasakan mengikut saraf.
- Sakit telinga dan berdengung



18. IPECACUANHA

(Akar Ipec)

- Batuk berkahak berserta dengan loya.
- Haid berlebihan, banyak darah dan loya.
- Migran, sakit kepala sebelah dan loya.
- Najis kehijauan.
- Paru-paru berair dan loya tekak.
- Muntah-muntah dan berak beserta loya.



19. IGNITIA
(Kacang Ignatius)

- Mudah *hysteria*, tidak penyabar, sekejap menangis dan sekejap ketawa.
- Sawan Tarik akibat emosi.
- Jatuh sakit akibat kesedihan.
- Tidak dapat tidur kerana kesedihan.
- Wanita hamil yang pengsan akibat sedih.
- Dubur terlalu gatal tapi bukan cacing.
- Terasa terdapat bola angin di kerongkong.



20. KALI BICH
(Pottasium Bichromate)


- Kahak bertali.
- Hidung berair.
- Sakit kepala terutama kening, pandangan kelabu.
- Syphilis, hidung mengeluarkan lendir yang bertali.
- Sakit tulang kepala.
- Bengkak sendi berselang dengan berair hidung.



21. LYCOPODIUM

(Debunga Pokok Pinus - Club Moss)


- Angin di bahagian bawah perut.
- Senak perut kawasan bawah kiri (*hernia*).
- Kembong perut di bahagian bawah, angin turun ke bawah (terkentut-kentut).
- Orang tua yang pening kerana perjalanan darah tidak bagus.
- Makan sedikit, tetapi rasa seperti sudah makan terlalu banyak.
- Anggota yang merosot (*atrophy*) dari atas ke bawah.



22. LEDUM

(Jejarum Pokok Rosemary Liar)

- Luka tertusuk.
- Disengat lebah atau lain-lain serangga.
- Sendi-sendi bengkak daripada kaki, sakitnya melarat bila sejuk.
- Terpijak paku berkarat.
- Sakit urat saraf selepas dicucuk.
- Sakit telinga.



23. MERCURY SOL

(Raksa)

- Sakit gusi.
- Alergi yang menyebabkan hidung asyik bersin.
- Biji-biji gatal tepi bisul atau bisul membusuk.
- Sakit kerongkong, tonsil bengkak.
- Bernanah busuk.
- Buasir.
- Gatal, bernanah, melarat bila panas.



24. MAG PHOS

(Magnesium Phosphate)


- Sakit kejang, batu di hempedu.
- Sakit berdenyut-denyut.
- Urat leher sakit dan berdenyut-denyut.
- Sakit senggugut.
- Kekejangan di jari.
- Sakit urat berdenyut-denyut.
- Menyentak dan sakit.
- Sakit perut hingga menyentak.
- Rasa renjatan dari kepala ke seluruh tubuh.



25. NUX VOMICA

(Kacang Rhux Poison Nut)


- Sakit kepala pada atas mata pening berpusing-pusing, sangat sensitive.
- Makanan tidak hadam selepas makan, loya pahit mulut, perut sebu seolah-olah makan banyak, tidak boleh berpakaian ketat, melarat bila tidur.
- Cirit-birit disebabkan banyak makan dan minum , terutama waktu pagi, keracunan makanan dalam tin.
- Demam menggigil dalam bilik hangat, banyak berpeluh waktu pagi, dahaga mahukan belas kasihan.
- Masalah sembelit dan buasir.



26. PULSATILLA

(Bunga Angin - Wind Flower)

- Masalah berkaitan hormon wanita.
- Susah hati.
- Jerawat muka pucat.
- Otot-otot sakit dari setempat ke setempat.
- Sakit tidak menentu tempat.
- Sakit rahim.
- Sendi bengkak



27.

RHUS TOX

(Getah Pokok Poison Oak)

- Lega jika bergerak (*arthristist*).
- Gatal merah, melarat bila basah (urti caria).
- Gatal dan berbedan merah.
- Hidung merah, bengkak dan gelembung air.
- Sakit pinggang, melarat bila bergerak.
- Jerawat merah.



28.

RUTA

(Pokok Tulang-tulang - Garden Rue)


- Gatal, merah dan melarat bila basah.
- *Urticaria* (lopak garam) bengkak- bengkak akibat alergi.
- Gelembung air di kulit yang tepi-tepinya merah.
- Jerawat merah.
- Demam yang melarat jam 6 petang dan 10 pagi.
- Biji-biji gatal berwarna merah dan terdapat air ditengahnya.
- Meracau dan sakit urat. Lega bila bergerak.
- Bengkak sendiri, sakitnya seperti disiat-siat, tetapi lega bila bergerak.



29. SEPIA

(Dakwat Sotong)


- Alergi makan sotong, hidung kering.
- Discaj (lelehan dari kemaluan) berwarna kuning kehijauan.
- Tumor atau fibroid dalam rahim.
- Gatal, kurap dipelipat yang berkeping-keping.
- Sakit pinggang akibat Rahim.
- Loya berbau makanan, muntah selepas makan.
- Rambut gugur kerana banyak berfikir masalah keluarga.



30. SILICEA

(Pasir)

- Penyakit kulit yang bernanah lambat sembuh.
- Bisul lambat pecah.
- Sakit ketika menyusukan bayi (nanah keluar).
- Bengkak, bernanah dan lambat pulih
- Ulser yang lambat pulih.
- Peluh sejuk di kaki.
- Penawar sembelit kepada orang yang bertubuh kurus.
- Terasa sampah/bendasing termasuk ke dalam mata.



KHIDMAT PELANGGAN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan,
sila hubungi



Call / whatsapp

012-516 1276

“REFILL / TOPUP”

setiap penawar, harga istimewa
RM13 untuk satu botol penawar



Sumur Dingin Wellness

Lot 54204 Zarraz Eco Valley,

Off Jalan Pelangi 5,

Taman Desa Pelangi, Batu 11,

43100 Hulu Langat, Selangor

No Tel : 012 5161276

